

Sukan Varsiti dilancar perkasa atlet institusi pendidikan tinggi

Oleh Nazri Abu Bakar - April 18, 2025 @ 10:11pm



Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KPT, Fazidah Mustafa ketika majlis pelancaran VSC di Durian Tunggal, Melaka. – Foto NSTP/Nazri Abu Bakar

MELAKA: Penganjuran program sukan utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini dijenamakan kepada Kejuaraan Sukan Varsiti (VSC) dalam usaha meningkatkan kebersaingan lebih kompetitif dalam kalangan atlet institusi pengajian tinggi.

Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KPT Fazidah Mustafa berkata, buat julung kalinya KPT melancarkan penganjuran VSC bermula tahun ini susulan sesi libat urus bersama warga sukan IPT yang diadakan pada November lalu.

Katanya, pelbagai kejayaan ditempa atlet IPT melalui program dan penganjuran sukan berprestasi tinggi sebelum ini, meletakkan VSC sebagai satu model penganjuran acara sukan baharu bertujuan untuk memperkasakan pembangunan prestasi atlet di IPT.

Menurutnya, VSC menekankan kepada penganjuran acara sukan yang konsisten dan berprestasi tinggi supaya keupayaan atlet untuk bersaing di peringkat tertinggi dan kompetitif sentiasa berada dalam situasi terbaik.

DISYORKAN

- **Lelaki dipukul beramai-ramai dituduh ganggu isteri orang**
- **Pemilihan PKR: Maszlee kekal Ketua Cabang Simpang Renggam**
- **Pelajar UUM maut dihimpit bas: Polis ambil keterangan dua pemandu**
- **BASS didoakan cepat naik pelamin, dah mesra sangat tu...**

"VSC akan membuka lembaran baru kepada tahap kebersaingan yang tinggi dalam kalangan IPT kerana sistem 'mata' yang digunakan bagi menobatkan IPT yang bakal menjuarai VSC kelak.

"Fokus VSC terhadap acara individu juga akan mengurangkan beban kewangan IPT untuk menyertai kejohanan selain medium utama dalam menyediakan atlet yang mampu memenangi pingat pada temasya sukan bertaraf antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan VSC bersempena Kejohanan Sirkuit 1, Liga Sepaktakraw Varsiti (VSL) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal, hari ini.

Menurutnya, pendedahan kompetitif VSC bakal membentuk atlet yang mampu memenangi pingat dalam temasya lebih tinggi seperti Sukan Universiti ASEAN, Sukan Universiti Dunia, Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.